

## **BAB 1**

### **PERNYATAAN MASALAH**

#### **Pengenalan**

Pada masa ini kedudukan geografi sebagai satu mata pelajaran di sekolah menengah kurang diberi perhatian oleh pihak pentadbir , para guru serta pelajar sendiri. Masalah begini bermula sejak pengolahan kurikulum sekolah menengah pada akhir tahun 1980an ( Abdul Samad Hadi, 1994 ). Baik dari aspek perancangan kurikulum geografi, latihan guru geografi permulaan, latihan dalaman untuk guru terlatih, penulisan buku teks geografi, mahupun penyeliaan pengajaran geografi di sekolah ... .kesemua ini dibuat sebagai kerja routine , tanpa diberi pemikiran yang mendalam ( Keng, 1996 ).

Pelajar tidak berminat untuk mengikuti disiplin ini pada peringkat menengah atas, lebih-lebih lagi pada peringkat pra-universiti. Status geografi yang kurang menyenangkan dalam kurikulum sekolah perlu ditinjau dengan betul-betul.

Pelaksanaan kurikulum geografi bermula dari sekolah rendah. Sungguhpun begitu, pengajaran pengetahuan geografi di tahap I ( iaitu tahun 1, 2 dan 3 ) dijalankan secara bersahaja

(*incidentally*) melalui pengajaran bahasa. Murid di sekolah rendah hanya belajar Kajian Tempatan sebagai satu mata pelajaran pada tahap II, iaitu di tahun 4, 5 dan 6. Dalam tempoh tiga tahun ini, masa pembelajaran Kajian Tempatan adalah dua jam seminggu. Ini bersamaan dengan empat waktu pembelajaran. Skop pelajaran Kajian Tempatan ialah rumah dan keluarga, jiran, masyarakat setempat, sekolah, daerah, negeri dan negara kita.

Di peringkat sekolah menengah rendah pula, semua pelajar wajib belajar geografi semasa di tingkatan I, II dan III. Masa pembelajaran geografi ialah 105 minit seminggu. Ini bersamaan dengan tiga waktu pembelajaran. Skop pembelajaran geografi merangkumi semua aspek geografi Malaysia, serta negara –negara lain di Asia Tenggara dan benua Asia.

Selepas tingkatan III , iaitu di sekolah menengah atas, status geografi dalam kurikulum sekolah bukan lagi sebagai mata pelajaran mata pelajaran wajib tetapi sebagai mata pelajaran elektif. Dalam keadaan ini, pilihan untuk belajar geografi atau tidak sebagai mata pelajaran elektif terletak dalam tangan pelajar sendiri. Sungguhpun begitu, syarat Kementerian Pendidikan yang menghadkan pemilihan mata pelajaran kepada maksimanya sepuluh mata pelajaran bagi pelajar tingkatan IV dan V mungkin

merupakan satu penghalang. Daripada sepuluh mata pelajaran yang pelajar ambil, lima daripadanya seharusnya mata pelajaran wajib dan yang baki boleh dipilih daripada 19 elektif yang dibekalkan.

Di negeri Pahang, misalnya, bilangan calon yang berdaftar untuk tiga peperiksaan umum (iaitu Penilaian Menengah Rendah, PMR; Sijil Pelajaran Malaysia, SPM, dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia, STPM,) semakin bertambah ( Unit Peperiksaan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, 1999). Tetapi calon yang mengambil geografi pada peperiksaan umum ini semakin berkurangan mengikut pemeringkatan tahap pengajian.

Pada tahun 1995, bilangan calon geografi pada PMR ialah 19,737 orang, manakala seramai 5,623 calon menduduki geografi untuk SPM dan seramai 1,082 calon mengambil geografi STPM.

Dua tahun kemudian, iaitu pada tahun 1999, bilangan calon geografi untuk PMR meningkat ke 22,259 dan calon geografi SPM tidak banyak berubah, iaitu 5,692. Tetapi calon yang mengambil geografi di peringkat STPM merosot ke 366 orang sahaja ( Rekod Unit Peperiksaan Jabatan Pendidikan Pahang, 1999).

Hakikat yang kita dapati sekarang ialah ramai pelajar sekolah menengah atas tidak memilih geografi sebagai salah satu

mata pelajaran elektif. Antara sebab mungkin ialah i) pelajar tidak berminat terhadap geografi , ii) pengajaran geografi kurang berkesan , iii) pelajar mendapati geografi sangat sukar untuk dipelajari, dan iv) tiada peluang pekerjaan untuk kelulusan geografi.

Laughlin dan Hartonian (1995) menyatakan geografi sebagai satu mata pelajaran yang bertujuan untuk memupuk pemahaman penyusunan ruangan bagi benda-benda di bumi. Tumpuan kajian ialah pada saling perkaitan antara keadaan fizikal bumi, ciri-ciri biologi sesuatu kawasan serta masyarakat manusia yang menetap di situ. Maka geografi adalah satu mata pelajaran yang menarik dan amat berguna untuk kehidupan seharian.

Ahli geografi Amerika Richard Hartshorne dalam tulisannya *Perspectives on the nature of geography* memberi tafsiran geografi sebagai satu mata pelajaran yang membekalkan gambaran dan interpretasi yang jitu, tersusun dan rational tentang elemen-elemen (*variable characters*) di permukaan bumi ( tercatat dalam Haggett, 1990).

Haggett (1990) pula menyatakan objektif utama pendidikan geografi sebagai satu usaha menanam perasaan cintakan landskap dan menjelajah alam sekitar, meminati tempat, serta

keinginan untuk menyelesaikan masalah ruangan yang disebabkan oleh konfigurasi ruangan. Geografi sebagai satu disiplin yang mengembangkan pemahaman manusia tentang alam sekitar, menggalakan refleksi terhadap masa depan alam sekitar serta mengembangkan iltizam dan tanggung jawab terhadap pemeliharaan alam.

Piawaian Geografi Kebangsaan Amerika memberi definisi geografi sebagai .... satu pengajian tentang manusia, tempat dan alam sekitar serta perhubungan antara mereka. Orang yang berpengetahuan geografi akan memahami dan menghayati dunia yang saling bergantung, di mana mereka tinggal. Memperolehi pengetahuan tentang geografi ialah sesuatu yang menyeronokkan. Ia mempunyai nilai praktikal tentang ruangan dan perspektif alam sekitar kepada situasi hidup setempat, sehingga ke sekala global (Hardwick & Holtgrieve, 1996).

Satu catatan pada akhbar Utusan Malaysia 24 Mac 1997 mengibaratkan geografi sebagai ilmu tentang alam semesta. Ia menjadi punca ilmu-ilmu lain. Ia boleh menyatukan ilmu-ilmu itu menjadi suatu kesatuan yang koheran.

Akan tetapi hakikat menunjukkan bahawa mata pelajaran ini kurang diberi perhatian oleh pelajar sekolah menengah. Oleh itu

satu kajian untuk menyiasat persepsi pelajar tentang pengajaran geografi dalam bilik darjah telah dirancangkan.

### Rasional Kajian

Untuk menggalakkan lebih ramai pelajar meminati geografi, maka pendekatan yang berkesan dalam pengajaran geografi perlu diberi perhatian, khususnya pada peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah rendah lagi.

Kajian ini meninjau persepsi pelajar sekolah menengah terhadap pengajaran mata pelajaran ini. Diharapkan maklumat yang didapati akan berguna kepada guru yang ingin mempertingkatkan profesionalisme guru geografi.

Kajian yang menggunakan penilaian pelajar untuk mengukur kerberkesanan pengajaran guru kerap kali dikutuk . Ini kerana pengkritik-pengkritik ini berpendapat bahawa pandangan pelajar mungkin berat sebelah ataupun tidak objektif. Sungguhpun begitu, pandangan pelajar sebagai maklum balas kepada guru adalah berguna. Donald mengata " however *bias their (students') ratings can be, they can certainly be used as a measure of students' satisfaction* "( Donald ,1985. h.13 )

Pada umumnya , proses pengajaran-pembelajaran melibatkan interaksi antara guru dan pelajar. Dalam interaksi dua hala ini, guru sentiasa berusaha untuk berkomunikasi dengan pelajar supaya idea guru dapat merangsangkan pelajar untuk berfikir dan berinteraksi dengan pelajar lain. Matlamat akhir ialah pelajar menguasai pembelajaran.

Ada ciri-ciri tertentu yang menjadikan seseorang guru itu berkesan. Brophy (1987) berpendapat guru yang berkesan menghabiskan waktu bilik darjah pada aktiviti akademik. Guru itu bersemangat dan dapat menstruktur kandungan pelajaran agar pelajar dapat memahaminya sebagai satu keutuhan. Soalan yang guru tanya dalam bilik darjah adalah jelas dan sesuai dengan tahap pelajar supaya pelajarnya dapat menjawabnya.

Stanley (1991) dan penyelidik-penyalidik lain seperti Shulman , Wilson, Amarel dan Chittenden berpendapat bahawa guru di sekolah berhasrat untuk mengajar kemahiran dan pengetahuan yang khusus tentang sesuatu bidang , bukan pengetahuan umum semata-mata. Dengan itu, guru mata pelajaran perlu mempunyai asas pengetahuan yang luas dan kukuh tentang bidang pengajaran mereka. Ini kerana isi pelajaran yang berlainan memerlukan kaedah pengajaran yang berbeza. Maka guru yang

pakar dalam bidangnya bukan sahaja faham tentang pertalian ilmunya dengan disiplin yang lain, malahan dia juga mengetahui cara yang terbaik untuk membolehkan pelajarnya memahaminya.

Dengan adanya penguasaan kandungan mata pelajaran oleh pelajar, maka perkembangan pemikiran kritis pelajar dapat dikembangkan (Stanley, 1991). Pemikiran kritis diterima sebagai fokus utama dalam pendidikan kajian sosial. Maka guru kajian sosial seharusnya menggabungkan kandungan mata pelajaran dengan kemahiran dan strategi pemikiran dalam pelajaran supaya pemikiran kritis pelajar dapat dipupuk. Guru yang berkesan akan merancang dan memberi peluang supaya pelajarnya dapat mengenal pasti dan menyelesaikan masalah.

Dengan merujuk kepada ciri-ciri tersebut, persepsi pelajar terhadap pengajaran guru geografi di tiga buah sekolah dikaji.

### **Pernyataan Masalah**

Kajian ini bertujuan untuk meninjau keberkesanan pengajaran geografi di sekolah menengah dari sudut pandangan pelajar. Di samping itu kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perkaitan antara pengajaran guru dengan pembolehubah seperti jantina pelajar, minat pelajar terhadap geografi, pencapaian pelajar

dalam mata pelajaran geografi dan peringkat pengajian pelajar di sekolah. Khususnya, kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan berikut :

1. Adakah terdapat perbezaan persepsi terhadap pengajaran geografi di kalangan pelajar lelaki dan pelajar perempuan ?
2. Adakah terdapat perbezaan persepsi terhadap pengajaran geografi di kalangan pelajar yang berminat terhadap geografi dan pelajar yang tidak berminat?
3. Adakah terdapat perbezaan persepsi terhadap pengajaran geografi di kalangan pelajar tingkatan dua dan tingkatan empat ?
4. Adakah terdapat perbezaan persepsi terhadap pengajaran geografi di kalangan pelajar yang berpencapaian tinggi, sederhana dan rendah dalam mata pelajaran geografi?
5. Sejauh manakah pelajar menganggap guru geografi mereka sebagai berkesan ?

### **Kepentingan Kajian**

Siti Fatihah (1998) dapatti bahawa guru geografi sekolah merupakan sumber utama pelajar mendapat pengetahuan geografi. Selain daripada menonton televisyen, membaca akhbar dan

majalah, pelajar jarang sekali mengambil tuisyen geografi di luar sekolah.

Tinjauan di sekitar Kuantan juga menunjukkan bahawa jarang terdapat pusat tuisyen yang mengendalikan kelas tuisyen geografi kepada pelajar sekolah. Hakikat ini bererti guru geografi di sekolah terpaksa memikul tanggung jawab mengembang minda pelajar mengenai dunia luar dan menyedarkan mereka tentang pemeliharaan alam sekitar.

Guru perlu mengambil tahu tentang persepsi pelajar terhadap tingkah laku guru dan berinteraksi dengannya. Maklum balas persepsi pelajar akan menyedarkan guru supaya lebih peka kepada persepsi pelajar. Pengubahsuaian tingkah laku guru kerana perbezaan budaya ini membolehkan guru menjalinkan perhubungan positif dengan pelajarnya.

Ada kemungkinan bahawa guru tidak prihatin tentang kaedah pengajaran mereka. Maklum balas persepsi pelajar akan menyedarkan guru untuk mengatasi kelemahan pengajarannya. Guru boleh merancang program kemajuan diri berdasarkan maklumat yang diperolehi dengan cara saintifik ini. Penerimaan dan pengiktirafan pelajar tentang tingkah laku guru yang baik akan menggalakkan guru untuk meneruskan usaha yang baik itu.

Di samping itu, maklumat seperti ini amat berguna kepada latihan pra-perkhidmatan yang menyediakan guru geografi ke sekolah. Program latihan yang sesuai untuk bakal guru dapat dijalankan.